

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, November 20, 2019 8:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel 'Design Thinking' Tingkat Kemahiran Penyelesaian Masalah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 NOVEMBER 2019 / 23 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SOC

BENGKEL 'DESIGN THINKING' TINGKAT KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) menerusi Computing Professional Enrichment & Development Division (CoPED) telah menganjurkan Bengkel '*Design Thinking & Lean Product Development*' dengan kerjasama Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri Jabatan Ketua Menteri Sarawak.

Bengkel tersebut dijalankan secara bersiri bermula pada 28-30 Oktober (sesi pertama), 4-6 November (sesi kedua) dan 11-13 November (sesi akhir).

Seramai 102 orang peserta terdiri staf Jabatan Ketua Menteri Sarawak dan 62 agensi di bawahnya telah mengikuti bengkel yang diadakan di Hotel Pullman, Kuching.

Bengkel yang dikendalikan pensyarah SOC, Suwannit Chareen Chit A/L Sop Chit itu bertujuan untuk melatih dan membimbing peserta dalam menggunakan kaedah '*Design Thinking*' untuk meningkatkan lagi kemahiran penyelesaian masalah secara efektif.

Di samping itu, ia membolehkan organisasi mengeksploitasi dan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia sesuai dengan kepakaran yang ada.

Melalui penganjuran bengkel ini, konsep asas '*Design Thinking & Lean Product Development*' dan aplikasinya dapat didedahkan kepada peserta.

Bengkel itu juga mengajar peserta tentang teknik asas yang boleh digunakan di dalam penyelesaian masalah melalui '*Design Thinking*' merangkumi '*brain dominance test*', '*creating personas*', '*prototyping*' dan '*implementation*'.

Pada setiap sesi, peserta dikehendaki membuat pembentangan bagi setiap produk yang dicadangkan.

Sebanyak 16 projek berkaitan ICT telah dibentangkan dan penilaian pembentangan produk telah dilakukan oleh Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri Sarawak yang mana projek terpilih akan dicadangkan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 Sarawak.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.